

K

ECONEWS

PERGERAKAN RINGGIT T-JAWAB BANK NEGARA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Pergerakan dan kestabilan ringgit dalam pasaran tukaran wang asing adalah tanggungjawab Bank Negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata para pengimport dan pengeksport yang terjejas akibat daripada keadaan turun-naik matawang tempatan baru-baru ini terpaksa berusaha menghadapi kesan itu dan memikirkan cara untuk mengatasinya.

"Itulah antara perkara yang perlu difikirkan", kata beliau kepada pemberita ketika ditanya mengenai urusan ringgit yang turun-naik baru-baru ini dan juga kejatuhan nilai ringgit secara tiba-tiba berbanding dolar AS.

Matawang ringgit telah merosot begitu teruk sekali berbanding dolar AS baru-baru ini ke tahap paling rendah iaitu 2.72 sejak dua tahun lalu berbanding paras kukuh 2.55 dua minggu lepas.

Kemerosotan ini adalah ekoran daripada langkah bank pusat mengeluarkan peraturan bagi membendung kemasukan dana-dana asing spekulatif jangka pendek di samping mengawasi keadaan lebih mudah tunai dalam sistem perbankan, yang dianggarkan pada RM12,000 juta.

Peniaga-peniaga matawang berkata had yang dikenakan oleh Bank Negara ke atas liabiliti luaran bersih untuk sektor bank didapati akan terus menekan matawang Malaysia, dan kemungkinan diniagakan di antara 2.72 dan 2.75 bulan ini.

Terdahulu, Perdana Menteri merasmikan kompleks membeli-belah Pernas Sogo di Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini.

Dalam ucapannya, beliau berkata kepercayaan kukuh patut diberikan kepada keupayaan kerajaan untuk melaksanakan idea walaupun idea itu kelihatan luarbiasa kerana kerajaan telah membuktikan rekod-rekod kejayaan.

Bank Dunia telahpun mengiktiraf prestasi ekonomi Malaysia yang baik dan menjadi contoh kepada negara-negara membangun, kata beliau.

Beliau berkata antara kunci utama kejayaan Malaysia ialah kestabilan politik, mempunyai idea-idea yang baik, kepakaran dan rasa tanggungjawab.

-- Bernama